

Peranan Guru dalam Membina Iklim Moral dalam Bilik Darjah

The Role of Teachers in Creating Classroom Moral Atmosphere

¹Tan Bee Piang, Rahimah Wahid & Zuraini Jamil @ Osman

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,

Tanjong Malim, Perak, Malaysia

¹e-mel: tanbeepiang@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Kewujudan iklim moral bilik darjah merupakan salah satu kriteria yang penting untuk menjayakan penerapan dan penghayatan nilai murni dalam Pendidikan Moral. Guru merupakan agen moral yang paling penting untuk menjayakan iklim moral kelas, pengamalan nilai, gaya penampilan serta sikap kepimpinannya memainkan peranan dalam proses sosialisasi pelajar dalam bilik darjah. Kajian ini bertujuan untuk memahami bagaimana guru Pendidikan Moral berjaya mewujudkan iklim moral bilik darjah yang berkesan. Seramai 200 guru pelatih Pendidikan Moral, Universiti Pendidikan Sultan Idris telah dipilih sebagai responden untuk kajian ini. Borang soal selidik digunakan untuk menguji hubungan antara gaya pengajaran guru dengan iklim moral yang berkesan dalam bilik darjah. Hasil analisis menunjukkan guru Pendidikan Moral yang lebih mementingkan gaya pengajaran “kepedulian” mempunyai kolerasi yang paling tinggi dengan iklim moral kelas yang positif.

Kata kunci iklim moral, keadilan, kepedulian, pendidikan moral

Abstract

Classroom moral atmosphere is the key factor that determines the success of moral education. The teacher plays an important role to establish the moral climate in which student assimilates and acculturates to dominant moral value. The teacher's appearance, leadership and teaching approach will influence the socialization of students in classroom. This study aims to understand the role of teachers in constructing classroom moral atmosphere. A total of 200 trainee moral education teachers of Sultan Idris Education University were selected as respondents to this study. A survey questionnaire was developed to investigate the relationship between teaching approach and positive moral atmosphere in a classroom. The result showed that the “caring” teaching approach has most significant correlation to a positive moral atmosphere in classroom.

Keywords moral atmosphere, justice, caring, moral education

Pengenalan

Program Pendidikan Moral di Malaysia bertujuan untuk membentuk individu yang menyeluruh dan seimbang, yang berupaya menaakul, berperasaan dan bertenkah laku moral. Namun, seperti yang dikemukakan oleh Straughan (1988) masalah paling besar yang dihadapi oleh Pendidikan Moral ialah “terdapat jurang antara penaakulan moral dengan tingkah laku moral”, iaitu nilai-nilai yang dipelajari oleh pelajar tidak berjaya diaplikasikan dalam kehidupan mereka sehingga ianya telah menjadi satu kebiasaan. Sehubungan dengan itu, untuk mendorong seseorang pelajar mengintegrasikan nilai-nilai murni yang dipelajari sepanjang sesi pembelajaran dalam kehidupan seharian, sesuatu iklim yang sesuai perlu diwujudkan untuk membantu pelajar berkelakuan berdasarkan tindakan yang betul dalam sesuatu situasi. Justeru, konsep iklim moral telah diutarakan oleh penyelidik untuk mengatasi ketidakberkesanannya pengajaran subjek Pendidikan Moral. (Power & Reimer, 1978).

Iklim moral sekolah merujuk kepada “norma, nilai serta sistem makna” (*meaning systems*) yang dikongsi oleh pelajar di sebuah sekolah” (Host, Brugman, Tavecchio, Beem, 1998). Menurut pandangan pengkaji-pengkaji lepas, apabila seseorang pelajar ingin memperbaiki tingkah laku moral mereka, iklim moral perlulah diwujudkan terlebih dahulu dalam kawasan sekolah itu (Higgins, Power & Kohlberg, 1984). Dalam iklim moral sekolah yang positif, pelajar dapat mengaplikasikan nilai-nilai murni seperti bertindak adil, peka terhadap keperluan orang lain, serta peka ketika berinteraksi bersama guru dan rakan-rakan. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan kesan terhadap murid dari segi perkembangan tingkah laku moral murid. Jelaslah ini menunjukkan bahawa iklim moral merupakan penghubung antara penaakulan moral dengan tingkah laku moral (Power & Reimer, 1978).

Iklim moral merupakan satu kurikulum tersembunyi dalam pendidikan, di mana nilai diajar dengan cara yang tidak formal dalam proses interaksi pelajar dengan anggota komuniti sekolah. Pelajar menerapkan nilai-nilai prososial dan bertingkah laku moral tanpa disedari (Jackson et al., 1968). Selain itu, iklim moral komuniti merupakan satu aspek yang penting dalam memastikan tujuan Pendidikan Moral tercapai. Apabila wujudnya pengabaian terhadap iklim moral, maka kehidupan dalam komuniti sesebuah sekolah tidak dapat mempengaruhi perkembangan moral pelajar sekolah lantas menyebabkan pemisahan antara kemahiran penaakulan moral dengan tingkah laku moral pelajar yang sebenar. Tambahan lagi, pelajar yang mempunyai tahap akademik yang cemerlang tidak semestinya pelajar yang mempunyai iltizam untuk mengamalkan tingkah laku yang bermoral, secara adil dan altruistik serta mempunyai kepekaan terhadap isu atau permasalahan yang berlaku. Keadaan ini menunjukkan bahawa guru dan pihak pentadbir sekolah perlu menyedari kepentingan kewujudan iklim moral dalam bilik darjah.

Interaksi antara pelajar dengan pelajar adalah aspek yang penting sepanjang sesi pembelajaran dan pengajaran. Hal ini kerana, kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa nilai dan gaya pengajaran guru yang berbeza akan mempengaruhi keberkesanannya proses pembelajaran dan pengajaran. Contohnya, guru yang menyokong pembelajaran pelajar dan menunjukkan sikap kesamarataaan terhadap pelajar akan meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Opdenakker, Maulana & den Brok, 2012). Gaya pengajaran yang berbeza akan menghasilkan suasana pembelajaran yang berbeza. Pengajaran bukan sahaja bermaksud isi pembelajaran yang diajarkan oleh guru, tetapi juga meliputi cara penyampaian, sikap atau nilai yang dipegang oleh guru itu sendiri yang mampu memberi kesan kepada situasi iklim bilik darjah. Maka, kajian ini bertujuan untuk membincangkan bagaimanakah guru dapat memainkan peranan untuk membina iklim moral serta apakah kaedah pengajaran yang dapat mempengaruhi iklim moral dalam bilik darjah.

Permasalahan Kajian

Iklim bilik darjah merujuk kepada prinsip, persekitaran dan suasana dalam sesebuah bilik darjah yang melibatkan hubungan sosial, psikologi dan emosi pelajar (Dunkin & Biddle, 1974). Persekitaran psikososial bilik darjah yang sihat bergantung kepada cara interaksi atau komunikasi antara guru dengan pelajar. Keakraban guru dengan murid dapat memberi kesan yang positif pada tingkah laku pelajar. Tambahan lagi, dalam usaha mewujudkan iklim moral bilik darjah yang berkesan, peranan guru merupakan satu elemen yang penting bagi memastikan program Pendidikan Moral dapat melahirkan warga yang bermoral. Aspek guru adalah peranan yang amat penting dalam mewujudkan satu suasana iklim moral yang proaktif dan responsif serta boleh menyokong pembangunan peribadi pelajar di sekolah.

Namun begitu, kebanyakan guru hanya memfokuskan kepada kebolehan mereka untuk mengawal keadaan dalam kelas supaya proses pembelajaran dapat berjalan dengan baik dan tertib serta pencapaian pelajar dari aspek akademik. Oleh itu, persoalan yang harus dikaji dengan teliti dalam kajian ini adalah bagaimana peranan guru dapat mewujudkan iklim moral kelas yang berkesan. Tambahan lagi, kurangnya kesedaran guru terhadap pembelajaran berteraskan iklim moral dalam bilik darjah akan menyebabkan kurangnya pemahaman dan penghayatan tentang nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Tujuan Kajian

Matlamat umum kajian ini ialah untuk menentukan hubungan antara gaya pengajaran guru dalam kelas subjek Pendidikan Moral dengan iklim moral dalam bilik darjah. Berdasarkan kajian ini, hasil daptan akan menunjukkan tentang peningkatan terhadap kesedaran kepentingan iklim moral. Terdapat empat jenis gaya pengajaran yang akan dikaji, antaranya adalah, 1) ketegasan - gaya pengajaran yang mementingkan disiplin pelajar, 2) keadilan - gaya pengajaran yang mementingkan sikap terbuka, layanan yang sama rata, 3) kepedulian - gaya pengajaran yang mementingkan ciri mesra dan peka terhadap keperluan pelajar dan 4) kreatif - gaya pengajaran yang mementingkan kepelbagaiannya aktiviti dalam pengajaran. Keempat-empat jenis gaya pengajaran ini merupakan gaya yang biasa diaplikasikan oleh guru Pendidikan Moral di Malaysia. Kajian ini akan mengkaji dengan lebih mendalam akan cara pengajaran yang mempunyai hubungan signifikan dengan iklim moral kelas.

Pendidikan Moral di Malaysia bertujuan mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Untuk merealisasikan hasrat ini, guru perlulah berjaya menghidupkan iklim moral dalam bilik darjah supaya pelajar dapat mengaplikasikan nilai murni yang diterap dalam program kurikulum sekolah dan seterusnya menjadikannya sebagai satu amalan dalam kehidupan seharian. Peranan guru dalam menghidupkan iklim sekolah merupakan wadah yang mampu menjadi batu loncatan bagi memberi kesan kepada tingkah laku pelajar. Hal ini kerana, kurangnya kesedaran terhadap tentang perihal pentingnya peranan guru dalam membina iklim moral akan menyebabkan pelajar kurang menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni.

Dengan mengkaji hubungan antara gaya pengajaran dengan iklim moral dalam kelas, peranan guru untuk mewujudkan satu suasana iklim moral yang proaktif, responsif akan mampu menyokong pembangunan peribadi pelajar agar menjadi lebih jelas.

Kajian Lepas

Tinjauan literatur akan memperkenalkan terlebih dahulu tentang kepentingan konsep iklim moral dalam Pendidikan Moral, dan seterusnya akan menyenaraikan beberapa kajian lepas berkaitan dengan tujuan kajian. Pendidikan Moral bertujuan untuk membentuk individu yang menyeluruh dan seimbang, matang dan bermaklumat, yang berupaya menaakul, berperasaan dan bertingkah laku moral ke arah pembangunan masyarakat beretika keadilan dan kepedulian. Permasalahan bagi Pendidikan Moral yang semakin mencabar adalah dengan adanya perpisahan di antara penaakulan moral dan kelakuan moral. Teori Kohlberg dalam Pendidikan Moral telah menghasilkan hipotesis bahawa apabila pelajar diberi peluang untuk menyelesaikan dilema moral dalam bilik darjah, maka pelajar akan mencapai tahap moral yang lebih tinggi. Dilema moral merupakan salah satu pendekatan yang masih dijalankan oleh tenaga pengajar di sekolah pada hari ini bagi meningkatkan perkembangan moral dalam kalangan pelajar. Walau bagaimanapun, pendekatan dilema moral ini didapati mempunyai kelemahan yang besar.

Kajian kajian lepas (Power & Reimer, 1978) menunjukkan bahawa pengajaran Pendidikan Moral hanya berjaya menambahkan pengetahuan moral tetapi tidak membawa perubahan kepada tingkah laku. Ini bermakna, pendekatan dilema moral hanya membawa peningkatan pada pemikiran moral dan tidak memberi kesan kepada perasaan serta tingkah laku moral. Bukan itu saja, malah apabila sampai pada satu tahap, pelajar akan bersikap tidak jujur dan menipu dalam memberikan jawapan kerana ianya tidak selaras dengan pertimbangan serta tindakan yang dilakukan apabila bertemu dengan situasi yang sama. Kohlberg (1970) telah mengetengahkan konsep "iklim moral" untuk menjadikan sekolah sebagai sebuah "komuniti adil (*Just Community*)" supaya dapat mengatasi kelemahan perlaksanaan program Pendidikan Moral. Dengan adanya "komuniti adil" ini, pelajar, guru, pihak pentadbir akan diajak bersama-sama untuk menyelesaikan isu-isu sekolah. Sekolah dikatakan sebagai sebuah "komuniti adil", remaja yang terlibat akan cuba mengaplikasikan

nilai adil, tanggungjawab dan demokrasi dalam kehidupan sekolahnya sehingga menjadi satu amalan dan kebiasaan mereka (Kohlberg, 1970).

Teori iklim moral ini seterusnya menjadi konsep penting dalam Pendidikan Moral. Ramai pengkaji telah melanjutkan idea iklim moral dan mengemukakan dapatan kajian penting dalam bidang ini. Kebanyakan kajian (Host, Brugman, D., Tavecchio, L., & Beem, L. 1998; Oser, Althof, & Higgins-D'Alessandro, 2008; Wissink, I. B., Deković, M., Stams, G.-J., Asscher, J. J., Rutten, E., & Zijlstra, B. J. H., 2014) mengesahkan bahawa iklim moral memberikan implikasi yang positif kepada tingkah laku pelajar. Tambahan lagi, dapatan mereka menunjukkan bahawa iklim moral yang baik membolehkan penerapan nilai-nilai moral kepada pelajar dilaksanakan dengan berkesan.

Mulai tahun 1980an, beberapa orang pakar akademik telah membuat refleksi terhadap Pendidikan Moral yang terlalu tertumpu kepada nilai “keadilan”. Pada pendapat mereka, nilai “kepedulian” harus menjadi nilai teras dalam Pendidikan Moral dan juga dalam iklim moral sekolah. Salah seorang ahli akademik yang paling penting ialah Noddings (1984), melalui usaha beliau pendekatan kepedulian menjadi semakin penting dalam Pendidikan Moral. Banyak kajian pengukuran iklim moral yang dilakukan sekolah bukan sahaja untuk mengukur tahap “keadilan”, tetapi juga tahap “kepedulian” yang terdapat dalam sesuatu komuniti sekolah.

Interaksi sosial antara guru, pentadbir sekolah, rakan sebaya dengan pelajar-pelajar merupakan faktor utama yang mempengaruhi iklim dalam sesuatu sekolah atau kelas. Antaranya guru memain peranan yang sangat penting. Kewujudan iklim moral adalah sangat bergantung kepada kesesuaian dan kepakaran guru. Jika guru berjaya mengembangkan iklim moral, ianya akan menjadi satu proses penghayatan kepada pelajar. Proses penghayatan merupakan satu proses untuk menggalakkan pelajar mencontohi dan mengamalkan nilai-nilai yang baik. Nilai-nilai seperti kasih sayang, jujur, amanah, keazaman untuk berjaya, tegas dan berani perlu dihayati dan dipamerkan dalam tindak-tanduk hubungan sosial antara pelajar dengan guru.

Di Malaysia, sudah terdapat beberapa kajian mengenai peranan guru dan iklim sekolah di Malaysia. Contohnya kajian Razak (2006) mengatakan gaya kepimpinan pengetua juga sebagai penyumbang kepada iklim sekolah berkesan iaitu pengamalan pengetua yang mengamalkan komunikasi terbuka di dalam pergaulan dengan guru dan pelajar. Sikap pengetua yang terbuka akan menggalakkan setiap warga sekolah berani untuk berbincang tentang masalah masalah yang dihadapi. Kajian Syahruan (2015) memfokuskan kepada aspek perapatan guru dengan murid yang memberikan kesan terhadap tingkah laku murid. Beliau mengatakan bahawa “guru seharusnya memainkan peranan yang penting dalam membuatkan murid bermotivasi untuk terlibat secara langsung di sekolah serta dapat mengurangkan penglibatan murid terhadap aktiviti-aktiviti yang merugikan diri murid itu sendiri.” Namun begitu, kajian lepas telah menunjukkan bahawa masih terdapat kekurangan kajian yang menyentuh tentang peranan guru dalam mewujudkan iklim moral dalam bilik darjah. Oleh itu, satu kajian yang bertujuan untuk memahami peranan guru Pendidikan Moral untuk mewujudkan iklim moral adalah sangat diperlukan pada masa kini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengetahui hubungan antara cara pengajaran guru dengan iklim moral dalam bilik kerja, seterusnya memahami peranan yang dimainkan oleh guru dalam membentuk iklim moral kelas. Seramai 200 orang mahasiswa semester lapan kursus Pendidikan Moral yang telah menjalani latihan mengajar dipilih sebagai sampel kajian. Pengalaman pelajar berpraktikum mengajar subjek Pendidikan Moral di sekolah membolehkan kajian ini memahami bagaimana seorang guru Pendidikan Moral dapat membina iklim moral kelas yang berkesan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti berkaitan aspek penting yang dimainkan oleh guru Pendidikan Moral dalam membina iklim moral bilik darjah.

Kajian ini akan mengkaji hubungan antara gaya pengajaran “ketegasan”, “keadilan”, “kepedulian” dan “kreatif” dengan iklim moral dalam bilik darjah. Gaya-gaya pengajaran ini adalah gaya yang lebih dikenali dan difahami oleh guru di Malaysia. Kajian ini hanya memfokuskan kepada hubungan antara keempat-empat cara pengajaran ini dengan kewujudan iklim moral bilik darjah.

Pengukuran

Item-item yang digunakan untuk membentuk skala “iklim moral kelas”, “ketegasan”, “keadilan”, “kepedulian” dan “kreatif” bagi mengukur hubungan kepelbagaian cara pembelajaran responden dengan iklim moral adalah seperti berikut:

Jadual 1 Item-item yang membentuk iklim moral kelas

Item-item	Konstruk	Skala
1 Pelajar aktif dalam kelas saya.	Iklim Moral Kelas	1: Sangat tidak setuju
2 Pelajar hantar kerja rumah mengikut masa.		2: Tidak setuju
3 Pelajar percaya kepada saya.		3: Kurang Setuju
4 Pelajar menghormati saya.		3: Setuju
5 Pelajar berminat mempelajari subjek pendidikan moral.		4: Sangat setuju
6 Pelajar bekerjasama dengan baik dalam kelas .		
7 Hubungan antara pelajar dengan pelajar dalam kelas adalah baik.		
8 Saya merasa selesa dan mendapat kepuasan semasa mengajar subjek pendidikan moral.		

Jadual 2 Item-item yang membentuk cara pengajaran ketegasan

Item-item	Konstruk	Skala
1 Guru yang berpegang kuat dengan disiplin lebih mudah menghasilkan iklim kelas yang teratur.	Guru yang tegas	1: Sangat tidak setuju
2 Saya selalu menjaga peraturan kelas supaya pengajaran lebih mudah dijalankan.		2: Tidak setuju
3 Pengajaran akan lebih lancar apabila saya bertindak tegas.		3: Kurang Setuju
4 Saya akan mencatat nama pelajar yang ponteng kelas.		4: Setuju
5 Saya akan menghukum pelajar yang melakukan kesalahan.		5: Sangat setuju
6 Guru yang berpegang kuat dengan disiplin lebih mudah menghasilkan iklim kelas yang teratur.		

Jadual 3 Item-item yang membentuk skala gaya pengajaran kepedulian

Item-item	Konstruk	Skala
1 Saya mengambil berat terhadap pelajar saya.	Guru yang peduli	1: Sangat tidak setuju
2 Saya sentiasa peka dengan tahap prestasi pelajar.		2: Tidak setuju
3 Saya selalu berbual dengan pelajar saya supaya saya lebih memahami masalah mereka.		3: Kurang Setuju
4 Saya menumpukan perhatian yang lebih kepada pelajar yang lemah.		4: Setuju
5 Guru yang mesra lebih senang dihormati oleh pelajar.		5: Sangat setuju
6 Saya selalu cuba memahami punca pelajar tidak berminat untuk belajar.		

Jadual 4 Item-item yang membentuk skala gaya pengajaran kreatif

Item-item	Konstruk	Skala
1 Kaedah pengajaran yang kreatif adalah penting bagi mewujudkan iklim moral yang positif.	Guru yang kreatif	1: Sangat tidak setuju
2 Pelajar lebih suka menyertai aktiviti daripada membaca buku.		2: Tidak setuju
3 Bahan mengajar yang kreatif adalah penting untuk menarik perhatian pelajar.		3: Kurang Setuju
4 Kaedah pengajaran yang kreatif dapat merapatkan hubungan saya dengan pelajar.		4: Setuju
		5: Sangat setuju

Jadual 5 Item-item yang membentuk skala gaya pengajaran keadilan

Item-item	Konstruk	Skala
1 Saya selalu memberi peluang kepada pelajar untuk memberi pendapat tentang pengajaran saya.	Guru yang adil	1: Sangat tidak setuju 2: Tidak setuju 3: Kurang Setuju 4: Setuju 5: Sangat setuju
2 Pelajar rasa selesa apabila kemukakan soalan dalam kelas.		
3 Saya cuba bercakap dengan setiap pelajar untuk membantu membina suasana pembelajaran yang baik.		
4 Saya memberi layanan yang sama rata kepada pelajar sama ada yang bagus atau lemah.		
5 Saya merasa tidak bersemangat apabila masuk ke kelas belakang. (Soalan negatif)		
6 Suasana pengajaran dan pembelajaran saya adalah lebih baik di kelas pandai berbanding kelas belakang. (Soalan negatif)		

Data Analisis

Kajian ini menggunakan analisis kekerapan dan korelasi bagi menjelaskan nilai yang signifikan antara dua konstruk. Manakala bagi menguji kebolehpercayaan item-item yang diuji, pekali Cronbach Alpha telah dianalisis bagi memastikan ketekalan sesuatu ukuran. Pada keseluruhannya, item soal selidik yang dikaji menunjukkan nilai pekali Cronbach Alpha 0.860. Seterusnya, kajian ini juga menghuraikan min, kekerapan dan sisihan piawai bagi setiap konstruk yang dilakukan.

Jadual 6 Analisis demografi

Demografi	Kekerapan	Peratusan %
Jantina		
Lelaki	47	23.5
Perempuan	153	76.5
Jumlah	200	100.0
Negeri Sekolah		
Perak	63	31.5
Selangor	70	35.0
Kuala Lumpur	11	5.5
Seremban	28	14.0
Melaka	21	10.5
Lain-Lain	7	3.5
Jumlah	200	100.0
Lokasi Sekolah		
Bandar	114	57.0
Pekan	59	29.5
Kampung	27	13.5
Jumlah	200	100.0
Etnik		
Melayu	160	80.0
Cina	3	1.5
India	1	0.5
Iban	19	9.5
Kadazan Dusun	4	2.0
Lain-lain	13	6.5
Jumlah	200	100.0
Agama		
Islam	165	82.5
Buddha	2	1.0
Hindu	1	0.5

Kristian	32	16.0
Jumlah	200	100.0
Subjek yang Diajar		
Pendidikan Moral	19	9.5
Pendidikan Sivik	1	0.5
Lain-Lain	21	10.5
Pendidikan Moral dan Sivik	138	69.0
Pendidikan Moral dan Lain-lain	6	3.0
Pendidikan Sivik dan Lain-lain	2	1.0
Pendidikan Moral, Sivik dan Lain-lain	13	6.5
Jumlah	200	100.0
Tingkatan yang Diajar		
Tingkatan 1	13	6.5
Tingkatan 2	15	7.5
Tingkatan 3	4	2.0
Tingkatan 4	31	15.5
Tingkatan 1 dan 2	35	17.5
Tingkatan 1 dan 3	3	1.5
Tingkatan 1 dan 4	9	4.5
Tingkatan 2 dan 3	2	1.0
Tingkatan 2 dan 4	12	6.0
Tingkatan 3 dan 4	31	15.5
Tingkatan 4 dan 5	3	1.5
Tingkatan 1, 2 dan 4	21	10.5
Tingkatan 1, 3 dan 4	15	7.5
Tingkatan 1, 4 dan 5	2	1.0
Tingkatan 2, 3 dan 4	1	0.5
Tingkatan 3, 4 dan 5	1	0.5
Minor Pendidikan Moral	2	1.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 7 Analisis iklim moral kelas

kepuasan semasa mengajar.	0 0%	1 0.5%	16 8.0%	125 62.5%	58 29.0%	4.20	0.59	Tinggi
Min Keseluruhan					3.86	0.57	Sederhana Tinggi	

Jadual 8 Analisis gaya pengajaran guru Pendidikan Moral

Item	Min	S.P	Interpretasi
Tegas	3.85	0.50	Sederhana Tinggi
Kepedulian	4.21	0.40	Tinggi
Keadilan	3.84	0.41	Sederhana Tinggi
Kreatif	4.42	0.44	Tinggi
Iklim Moral Kelas	3.90	0.55	Sederhana Tinggi

Jadual 9 Korelasi antara cara pengajaran guru dengan iklim moral dalam bilik darjah

Pemboleh ubah	r_s	p
Guru yang tegas	.206**	.003
Guru yang peduli	.422**	.000
Guru yang adil	.328**	.000
Guru yang kreatif	.327**	.000

** korelasi adalah signifikan pada 0.01 (2-tailed)

Perbincangan

Dapatan kajian menggambarkan bahawa iklim bilik darjah adalah berbentuk positif apabila seseorang guru lebih mementingkan ketegasan, kepedulian, keadilan dan kreatif. Keempat-empat cara pengajaran ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan iklim moral dalam kelas. Namun begitu, guru yang mementingkan ciri-ciri kepedulian mempunyai korelasi yang paling tinggi antara keempat-empat gaya pengajaran pendidikan moral, iaitu korelasi Pearson antara kepedulian dengan iklim moral dalam bilik darjah adalah 0.422 ($p<0.01$), berbanding dengan guru yang tegas ($r=0.206$, $p<0.01$), guru yang adil ($r=0.328$, $p<0.01$), dan guru yang kreatif ($r=0.327$, $p<0.01$).

Kepentingan pembentukan tingkah laku moral pelajar selalu dipersoalkan oleh pengkaji-pengkaji Pendidikan Moral di mana nilai-nilai murni tidak diajar tetapi mereka haruslah belajar dalam kehidupan yang sebenar. Tambahan lagi, pembinaan watak pelajar tidak boleh dilakukan dengan paksaan, tetapi haruslah dilakukan dengan menyamakan nilai-nilai murni dalam konteks kehidupan yang sebenar agar pelajar dapat memahaminya dengan menyeluruh. Dapatan kajian ini menunjukkan “kepedulian” sangat berkait rapat dengan kewujudan iklim moral dalam bilik darjah.

Kepedulian (*caring*) merupakan salah satu nilai teras dalam pendidikan moral. Kepedulian merupakan kesanggupan seseorang untuk berkorban demi orang lain dan juga kepekaan terhadap keperluan orang lain. Kepedulian, atau dalam istilah yang lain ialah ‘ambil peduli’, ‘mengambil berat’, ‘bertimbang rasa’ dan ‘kasih sayang’. Ia melibatkan tindak balas sensitif terhadap orang lain berdasarkan satu hubungan yang boleh dipercayai (*trusting relationship*). Akademika yang mementingkan prinsip kepedulian dalam sekolah menyatakan bahawa sekolah perlu menjadi sebagai sebuah masyarakat yang penyayang dan mesti menjadi satu medan untuk mewujudkan akhlak yang baik ke arah melahirkan warganegara yang sedar akan mengenai keberkesanan sivil persekitaran dan konsep penyayang. Kesahihannya dapat dibuktikan dengan penglibatan antara sesama guru, pentadbir, kakitangan bukan tenaga pengajar profesional, kakitangan lain, ibu bapa, pelajar dan juga ahli lembaga sekolah. (Lickona & Davidson, 2003)

Kesimpulan

Pada hari ini, tugas seorang guru bukan sahaja memainkan peranan sebagai seorang guru yang mengajar pelajar di dalam kelas, tetapi tugas guru adalah lebih daripada itu. Pendapat Kohlberg (1970), Higgins, Power & Kohlberg (1984) adalah sama dalam pelaksanaan pendidikan moral.

Mereka mengatakan bahawa iklim moral adalah perlu kerana ia berkemungkinan dapat mempengaruhi dan menjadikan suatu kebiasaan dalam amalan moral sekolah. Noddings (2008) juga menekankan kepentingan interaksi sosial antara anggota komuniti sekolah dalam pembentukan kepribadian pelajar. Justeru, guru perlu menyedari bahawa sekolah merupakan agen pembelajaran moral secara langsung, suasana sosial di sekolah, cara pentadbiran dan bagaimana guru-guru bertingkah laku akan mempengaruhi pembelajaran moral pelajar di sekolah. Dapatkan kajian ini telah menunjukkan gaya pengajaran yang positif akan menyumbangkan kepada iklim moral dalam bilik darjah. Apabila pelajar mempunyai hubungan yang baik dengan guru, mereka akan merasa selesa dan selamat berada di sekolah, sekaligus, tingkah laku moral yang terbentuk juga akan lebih berbentuk positif.

Rujukan

- Razak, A. Z. A. (2006). Ciri iklim sekolah berkesan: Implikasinya terhadap motivasi pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 31, 3-19.
- Higgins, A., Power, C., & Kohlberg, L. (1984). Student judgments of responsibility and the moral atmosphere of high schools: A comparative study. *Morality, moral behavior and moral development: Basic issues in theory and research*, 74-106.
- Høst, K., Brugman, D., Tavecchio, L., & Beem, L. (1998). Students' perception of the moral atmosphere in secondary school and the relationship between moral competence and moral atmosphere. *Journal of Moral Education*, 27(1), 47-70.
- Jackson, P. W. (1990). *Life in classrooms*. Teachers College Press.
- Kohlberg, L. (1970). The moral atmosphere of the school. In N. Overley (Ed.). *The Unstudied Curriculum*. Washington, D.C.: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Lickona, T., & Davidson, M. (2003). School as a caring community Profile-II (SCCP II). Washington, DC: *The Character Education Partnership*.
- Noddings, N. (1986). *Caring – A feminine approach to ethics and moral education*. Berkeley and Los Angeles: University of California Press.
- Noddings, N. (2008). Caring and moral education. *Handbook of moral and character education*, 161-174.
- Opdenakker, M.-C., Maulana, R., & den Brok, P. (2012). Teacher-student interpersonal relationships and academic motivation within one school year: Developmental changes and linkage. *School Effectiveness and School Improvement*, 23(1), 95–119.
- Oser, F. K., Althof, W., & Higgins-D'Alessandro, A. (2008). The just community approach to moral education: System change or individual change? *Journal of Moral Education*, 37(3), 395–415.
- Power, C., & Reimer, J. (1978). Moral atmosphere: An educational bridge between moral judgment and action. *New Directions for Child and Adolescent Development*, 1978(2), 105-116.
- Straughan Roger. (1988). *Can we teach children to be good?* London: Open University Press.
- Syahruan Azan Ngadmid. (2015). Hubungan perapatan guru dengan murid dalam bilik darjah terhadap tingkah laku murid. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Serdang: Penerbit UPM.
- Wissink, I. B., Deković, M., Stams, G.-J., Asscher, J. J., Rutten, E., & Zijlstra, B. J. H. (2014). Moral orientation and relationships in school and adolescent pro and antisocial behaviors: A multilevel study. *The Journal of School Nursing: The Official Publication of the National Association of School Nurses*, 30(3), 216-25.